

Mencari keadilan konflik Gaza, insiden MH17

Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur saluran terbaik

Pelbagai isu jenayah antarabangsa berlaku kebelakangan ini. Ketika umat Islam menjalani ibadat puasa pada Ramadan yang lalu, Israel menjalankan operasi ketenteraan terhadap penduduk Semenanjung Gaza.

Tindakan tidak berperikemanusiaan itu membunuh beratus-ratus orang tidak bersalah dan mencederakan ribuan orang awam terutama warga tua, wanita serta kanak-kanak. Ia juga menyebabkan kemusnahan sekolah, universiti, hospital, masjid serta kemudahan asas lain. Tindakan ganas tentera Israel itu jelas melanggar pelbagai konvensyen dan undang-undang antarabangsa berkaitan perang.

Tidak dilupakan juga tragedi menimpa pesawat MH17 di wilayah timur Ukraine yang mengorbankan 298 nyawa, termasuk semua anak kapalnya. Pesawat itu terhempas di kawasan yang sedang bergolak di wilayah timur Ukraine dipercayai ditembak jatuh.

Insiden menembak pesawat itu mungkin boleh disamakan dengan jenayah perang, kata Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi Hak Asasi Manusia, Navi Pillay pada 29 Julai lalu.

Pelbagai pihak, di Malaysia dan antarabangsa meluahkan kekecewaan terhadap jenayah perang ini. Mereka mahu tindakan tegas diambil, terutama dari segi perundangan terhadap pihak bertanggungjawab.

Peranan KLWCT

Pelbagai saluran boleh digunakan untuk membawa isu terbabit bagi tujuan penyiasatan dan perbicaraan seperti melalui Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) dan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Pada masa ini, apa yang perlu dikenal pasti ialah siapa sebenarnya bersalah terhadap konflik di Semenanjung Gaza serta yang bertanggungjawab terhadap insiden membabitkan MH17.

Namun, banyak pihak berpendapat saluran sedia ada pada peringkat antarabangsa tidak dapat memberi keadilan kepada mangsa kerana adanya campur tangan luar, terutama daripada kuasa besar yang berkepentingan. Justeru, isu membabitkan jenayah antarabangsa ini boleh dibawa ke Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur (KLWCT).

KLWCT diwujudkan pada tahun 2007 melalui inisiatif bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Ia berperanan sebagai badan penyiasat yang menerima aduan daripada pelbagai pihak yang pernah menjadi mangsa jenayah perang, seterusnya mengumpul keterangan lengkap yang boleh dijadikan asas pertuduhan terhadap pihak tertentu (individu atau negara) yang melakukan jenayah perang berkenaan.

Apabila maklumat dan keterangan dikumpulkan dan memadai untuk dijadikan asas pertuduhan, ketua pendakwa suruhanjaya itu

akan memfailkan pertuduhan jenayah perang di Pejabat Pendaftar Tribunal.

Sehingga awal tahun lalu, tribunal berkenaan sudah bersidang tiga kali. Pada 31 Oktober 2009, tribunal itu mendengar permohonan suruhanjaya bagi mendapatkan 'Advisory Opinion' sama ada (a) tribunal itu ada bidang kuasa mendengar kes jenayah perang, dan (b) sama ada seorang ketua kerajaan atau ketua negara boleh mengecualikan diri daripada melaksanakan obligasi di bawah triti dan konvensyen antarabangsa.

Tribunal itu memberi pendapatnya bahawa ia ada kuasa mendengar kes jenayah perang mengikut Artikel 7(1) Piagam penubuhannya, manakala mengenai isu kedua, ia menyatakan ketua kerajaan dan ketua negara mesti melaksanakan segala kewajipan di bawah konvensyen dan triti antarabangsa. Dalam bahasa mudah, ketua kerajaan dan ketua negara tidak menikmati imuniti atau kekebalan jika melakukan jenayah perang dan sebagainya.

Kes jenayah perang

Pada 19-22 November 2011, tribunal terbabit sudah mendengar kes jenayah perang membabitkan George W Bush dan Anthony L Blair. Kedua-dua dituduh melakukan jenayah perang bila melancarkan peperangan secara tidak sah terhadap Iraq. Pada 7-11 Mei 2012, tribunal itu juga mendengar pertuduhan baharu (iaitu jenayah pengeksaan dan jenayah perang) membabitkan Bush, Donald Rumsfeld, Dick Cheney, Albert Gonzales, David Addington, William Hanynes, Jay Bybee dan John Yoo (yang adalah orang kanan dan penasihat Bush).

Pada 21-24 Ogos 2013, tribunal itu mendengar dua pertuduhan yang difailkan oleh Ketua Pendakwa Suruhanjaya pada akhir Mei 2013. Dalam perbicaraan terbabit, tertuduh adalah Jeneral Amos Yaron dan Israel. Mereka dituduh melakukan pembunuhan warga Palestin di kem pelarian Sabra dan Shatila, di Jenin dan Nablus, serta Operasi Cast Lead 1 di Gaza pada Disember 2008 dan Cast Lead 2 di Gaza pada November 2012.

Peluang dedah kezaliman

Menyadari penting dan rumitnya kes yang perlu didengar itu, tribunal berkenaan membariskan panel hakim terdiri daripada pakar dalam undang-undang antarabangsa serta jenayah perang dari dalam dan luar negara. Rekod prosiding dan penghakiman tribunal itu kemudian dihantar Pendaftar Tribunal kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan kepada beberapa ketua kerajaan untuk maklumat dan tindakan mereka seterusnya.

Tribunal yang hanya mempunyai status 'People's Tribunal' atau 'Tribunal of Conscience' terbabit tidak ada kuasa khas untuk menangkap atau memenjarakan mana-mana tertuduh yang disabitkan kesalahan mereka. Namun, kewujudannya memberikan peluang untuk menyiasat serta membicarakan insiden jenayah perang yang berlaku dengan sea-dilnya dan mendedahkan segala kezaliman dan ketidakadilan yang berlaku.

Penulis ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia



DR MUZAFFAR SYAH MALLOW

rencana@bh.com.my

SIDANG REDAKSI

Pengarang Urusan
Kumpulan NSTP
Datuk Abdul Jalil Hamid
jalil@bh.com.my

Pengarang
Kumpulan BH
Mahfar Ali
mahfa@bh.com.my

Timbalan Pengarang
Kumpulan BH
Sadrulhisham Othman
paneta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Berita dan Ehwat Semasa
Norhayati Md Said
natisaid@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Mingguan/BH2
Zainor Said
zaino@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Pengeluaran/Paper
Roslina Safar
rosli@bh.com.my

Berita Harian
diterbitkan oleh The New
Straits Times Press (M)
Bhd, Jalan Riong, 59100
Kuala Lumpur,
Tel: 1-300-22-6787
Faks: 03 20567081
Laman Web:
www.bharian.com.my
E-mel:
hrencana@bh.com.my